






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KETIGA (Q3 2022)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku ketiga (Q3) 2022. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan [ABCi]. RPPI mengukur kadar perubahan harga harta kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke semasa.
2. Pada Q3 2022, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 1.63% tahun-ke-tahun kepada 91.6 berbanding dengan Q3 2021, dan penurunan sebanyak 1.57% berbanding dengan Q2 2022.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q3 2021	Dari Q2 2022
Q3 2022	91.6	-1.63%	-1.57%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 135 transaksi pembelian harta tanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q3 2022. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.8% dalam bilangan transaksi berbanding dengan pada Q2 2022 dan peningkatan sebanyak 1.5% berbanding dengan satu tahun yang lalu. Pada suku ketiga 2022, kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* [58.5%]; diikuti oleh rumah teres [23.0%]; rumah berkembar atau *semi-detached* [17.0%]; dan pangaspuri [1.5%]. Tidak ada pembelian tanah melalui pembiayaan bank telah dicatat pada suku ketiga 2022.

4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman persendirian pada Q3 2022 adalah BND255,000. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.0% berbanding dengan Q3 2021, dan peningkatan sebanyak 2.2% berbanding dengan Q2 2022. Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND278,000; bagi rumah teres adalah BND197,000; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND260,000; dan bagi pangaspuri adalah BND316,000. Harga median adalah lazimnya digunakan berbanding dengan harga purata dalam penghasilan indeks harga harta tanah kediaman kerana harga median tidak mudah dipengaruhi oleh sebilangan kecil harga harta tanah yang luar biasa dalam distribusi harga kediaman.
5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antaralainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcb.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 16 Jamadilakhir 1444H/ 9 Januari 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3